

Bidang untuk sambung belajar – tips lepasan SPM

Mula mula sekali, saya nak ucapkan tahniah, sebab adik adik ambil keputusan untuk sambung belajar. Boleh baca [artikel ni](#), saya ada kongsikan kenapa kita mesti sambung belajar dan apa relevannya dengan suasana yang akan berlaku pada anda di masa akan datang.

Dunia kita ni kan, saya perasan macam akan berubah ketara selepas 10 tahun. Sekarang saya 35 tahun, kalau saya ingat ingat balik macam mana kehidupan saya umur 15 tahun, 25 tahun dengan 35 tahun memang ada yang berbeza, yang orang sebelum ini tak buat dah.

Antaranya whatsapp, masa saya kerja dalam tahun 2013, whatsapp ni beberapa ketul je orang guna. Masa zaman zaman couple dulu pun saya ingat lagi, 1 sen to message. Dalam 1 message itu pula mesti tak lebih beberapa patah perkataan rasanya, so kena muatkan dalam patah perkataan ni sahaja untuk jimat.

Internet pula, saya ingat juga lagi saya mula mula browse internet dulu, masa ni saya budak lagi. Mungkin masih lagi sekolah rendah. Saya browse internet RM10 tu pun setel dalam masa 5 minit je rasanya. Punyalah mahal internet dulu.

Begitu juga dengan bidang kerjaya, yang sekaligus memberitahu kita apa bidang yang kita perlu sambung nanti. Kalau tidak, takut takut kita nak cari kerja nanti jadi susah.

Antara bidang yang masa saya budak dulu langsung tak dengar orang buat, kiranya masa tu tak popular lagi, adalah bidang programming. Mungkin kehidupan environment saya yang tak berapa nak ke arah programming sangat, buatkan saya tak tahu juga.

Walaupun, saya masih berpendapat dalam tahun 2010

dulu, dunia programming, ilmu buat website, ilmu buat app, ilmu develop online system ni sangat sangat kurang. Tapi kalau zaman sekarang ni, memang dah meletup.

Bidang lain yang saya perasan juga, nurse ni kalangan lelaki. Nurse ni dari dulu memang perempuan je yang join. Tapi zaman sekarang ni, memang perlu bagi saya untuk ada nurse lelaki juga. Sebab keje nurse ni tak semua benda ringan yang kita buat.

GF pertama saya dulu pun nurse juga, dia ada cerita, dia kena potong bulu pesakit laki. haha. Kalau ada staff lelaki confirm dia yang buat kan? Apa apa pun, saya tak adalah nak sembang pasal hukum ke apa, bukan bidang saya tu.

Justeri itu, saya nak kongsikan beberapa bidang yang saya rasakan ia akan terus menjadi kepentingan negara dan orang ramai di masa hadapan. Kiranya, bukan sekadar untuk 10 tahun dari sekarang sahaja, tapi lebih lagi.

Antaranya ialah:

1. education – cikgu / tutor / lecturer / cikgu amali
2. sales / business management
3. programming / web application / app development / software developer
4. healthcare – nursing, ma dan doctor (doctor melayu macam tak cukup je)
5. manufacturing
6. videographer
7. seni bina (construction)
8. electricians
9. lawyer
10. financial advisor

Disclaimer

Saya hanya senaraikan 10 ini sahaja, sebab 10 ini sahaja yang saya tahu. Ikut pada pandangan dan pengalaman saya bila dah berada dalam alam pekerjaan ni.

Education -Cikgu Sekolah / Taska

Yang ini masih lagi perlu dibincangkan ke? Warga pendidik memang tak perlu disangkal lagi. Cuma kalau kita boleh pergi lebih dalam bergantung kepada subjek juga. Lagi baik subjek subjek yang kritikal macam add math, fizik semua. Dah pasti tak berapa nak ramai berbanding dengan subjek biasa macam Math, English..

Dalam 10 bidang yang saya bagi tahu ni, bidang warga pendidik seperti cikgu sekolah adalah bidang yang gajinya paling stabil. Banyak sebenarnya gaji cikgu ni. Bila sudah umur 30 – 35 macam tu, memang boleh dapat RM 5000 sebulan.

Sales / Business Management

Bidang sales memang berlama pun memang akan diperlukan punya. Selagi ada pembeli, ada produk, adalah orang yang tukang jual. Cuma kalau anda berminat dengan bidang ni, saya cadangkan bidang sales yang melibatkan harta benda atau aset.

Seperti contoh rumah, segala jenis pinjaman macam produk bank, kereta pun boleh kata harga benda juga. Mungkin ada yang lain, tapi yang saya duk nampak inilah.

Programming

Macam saya cakap di atas tadi, ini adalah bidang yang saya sendiri tak percaya pentingnya masa saya belajar dulu. Saya ingat lagi, dalam 4 orang kawan saya duk dalam dorm masa kat UMP dulu, ada sorang ni yang budak computer. Memang saya rasa pelek sebab dia pilih bidang tu.

Tapi bila kita dah sampai tahap sekarang ni, memang bidang itu satu pilihan terbaik. Bidang IT pun OK juga.


Healthcare

Selagi ada manusia, selagi tu la ada customer. Tambah lagi

nurse dikalangan lelaki, mesti ramai permintaan.

Manufacturing

Bidang manufacturing yang saya maksud ialah apa sahaja kerja dan jawatan yang ada didalamnya. Saya ss juga what is manufacturing di Google, kot ada lebih mudah faham dengan ayat di Google.



The screenshot shows a Google search interface. The search bar contains the text "what is manufacturing". Below the search bar are several filter buttons: "Images", "Process", "Industry", "In business", "Examples", "And production", "Books", "In economics", and "PDF". The search results show "About 3,580,000,000 results (0.36 seconds)". The first result is from TWI Global, titled "What is Manufacturing? (Definition, Types and Examples)". The definition provided is: "Manufacturing is the production of goods through the use of labour, machinery, tools and biological or chemical processing or formulation." Below this, there is a "People also ask" section with the question "What is the definition of manufacturing?". The answer states: "Manufacturing is the making of goods by hand or by machine that are intended to be sold to customers upon completion. Items used in manufacturing may be raw materials or component parts of a larger product. Manufacturing usually happens on a large-scale production line with machinery and skilled labor." The date "10 Nov 2022" is also visible. On the right side of the search results, there are two images: one showing a factory interior with machinery and another showing a blue chair in a room with trees in the background. Below the images, the word "Manuf" is partially visible, along with the text "Manufacturin with the help".

Manufacturing, atau kalau tukar bahasa melayu lagi senang nak nampak, iaitu PEMBUATAN.

So apa sahaja yang direka, dibuat, dan dijual pada customer adalah bidang pembuatan, iaitu Manufacturing. Dan permintaan kerja yang saya maksudkan terjamin sampai bila bila pun adalah semua bidang yang ada dalam kilang manufacturing ni.

Antaranya yang terlibat:

i. human resource dan administration – yg jalankan urusan

ambil pekerja dan gaji semua.

- ii. robotic – banyak mesin macam ni dalam kilang buat kereta, ataupun kilang buat alat komputer seperti hardisk
- iii. electrical
- iv. mechanical
- v. manufacturing – kalau tak silap saya, memang ada kos university yang nama manufacturing juga.
- vi. quality control – dari mesin sampai ke makanan pun ada jawatan quality control check
- vii. tooling
- viii. management
- ix. business – ini untuk carikan client untuk company

Saya dapatkan fikirkan 9 ini sahaja dalam tempoh tak sampai 1 minit ni. Saya percaya ada banyak lagi.

Videographer

Dulu, kalau tak silap saya tahun 2014 macam tu. Neil Patel ada bagi tahu, dunia blogging di masa hadapan, iaitu masa sekarang, orang akan lebih banyak buat video daripada menulis.

Kiranya cara saya buat ni dah outdate dah pun. Itu sebab saya kadang kadang akan buat video juga supaya penyampaian saya lebih baik. Neil Patel ni sapa? Neil Patel ni kiranya kalau kita jenis yang buat blog blog ni, Neil Patel ni kira yang paling masterlah.

Neil Patel, pakar SEO dan Online Marketing. Biasalah, dalam apa apa bidang sekalipun, kita akan cari mentor, atau orang yang kita boleh harapkan untuk kita refer dan ambil semangat. Untuk kes saya, memang Neil Patel, lama dah saya follow dia ni sebenarnya.

So Videographer terbaik ya, maksudnya anda perlu ambik jurusan Multimedia.

The Last Four

Untuk SeniBina, Electrician, Lawyer dan Financial Advisor adalah bidang yang saya kira sangat dekat dengan keperluan orang ramai.

SeniBina – orang perlukan untuk buat rumah

Electrician – tak semua orang boleh pasang wiring rumah, betulkan aircond, pasang autogate ke apa.

Lawyer – nak beli rumah, tak boleh jadi kalau tiada lawyer, so lawyer pun akan berkaitan juga. Tapi sepanjang saya deal dengan Lawyer, hanya yang betul betul kuat sahaja boleh layan jadi Lawyer. Sebab kerjanya macam stress lain macam.

Financial Advisor – ada lawyer, ada orang nak buat electric, tak guna juga kalau tiada siapa yang nak uruskan pinjaman. Bagi saya bidang kerja seperti banker, atau keseluruhannya boleh kata sebagai financial advisor, adalah bidang yang boleh bertahan lama juga.

Bidang SeniBina dulukan, saya ingat lagi masa saya Sekolah Teknik Slim River dulu, kami budak budak mechanical ni rasa macam pelek tengok depa. Sebab pelajar senibina ni, amalinya depa akan ikat bata, kiranya bancuh simen semua dan akan buat macam binaan dinding.

Lepas keras, pecahkan pula. Itulah yang depa buat hari ke hari.

Tapi bila dah berada di zaman pekerjaan ni, itulah bidang yang bagi saya paling stabil. Sebab permintaan tetap ada. Mana yang belajar lagi ni, anda mesti akan fikir nanti nak kerja apa, itu sebab korang baca artikel saya ni.

Tapi sebenarnya, kerja 1 tempat tak cukup. Kalau kita kerja satu tempat, gaji kiga boleh pergi dalam 5K sahaja untuk awal 35 tahun anda. Susah sebenarnya kalau gaji nak cecah 10K, kalau dibawah umur 35 tahun. (Kecuali kalau bidang oil n gas

)

Maksud saya, itu sebab ramai yang akan cari kerja kedua. Dan kalau anda ada pengetahuan dan pengalaman buat rumah, memang boleh buat side income lebih. Seperti buat tiles, extend dapur, pasang kitchen cabinet. Memang banyak sangat permintaan ni.

Contoh macam pasang tiles kalau satu bilik, kosnya boleh jadi dalam 5 ribu. Dan untuk beli barang mungkin dalam 1000, dan kerja boleh siap dalam 1 atau 2 hari sahaja. Kalau anda ada kawan lagi sorang tolong, mungkin boleh dapat dalam 2 ribu sorang untuk 2 hari sahaja.

Untungkan? adalah sikit nyesalnya saya ni. haha.

Tapi tak apalah, mungkin ada rezeki lain kan.

maka, itulah dianya. 10 bidang kerjaya saya kira akan bertahan lama, lebih lagi dari hanya 10 tahun.

Kenapa Mesti Sambung Belajar?

Jawapannya, sebab gaji.

Lebih tinggi level anda study, lagi tinggilah gaji anda.

Mai pakcik syed nak cerita.

Apa yang saya sendiri perasankan. Nanti bila adek adek ni semua dah sampai ke alam pekerjaan, company yang kita kerja ni sebenarnya akan ada dalam 3 jenis group gaji.

Group gaji kecil, sederhana, dan besaq.

Bila kerja company kecil, lantaklah ada degree sekalipun, tapi

gaji tetap macam diploma atau pun ntah ntah dapat gaji macam spm. Dan bila kerja company besar, jangan terkejut walaupun spm je, tapi gaji dah macam sama dengan orang yang ada degree.

Saya bagi satu contoh, kalau macam level diploma dengan degree.

Diploma – kalau kerja gaji company kecil, gaji anda boleh jadi dalam 1000 – 1200. Kalau kerja gaji company sederhana, gaji boleh jadi dalam 1250 – 1800. Kalau kerja company lagi besar, gaji diploma boleh jadi daripada RM 2500 hingga ke RM 10 000.

Degree – kalau kerja company kecil, saya pernah tengok kawan saya gaji dia RM 2000. Kalau kerja company sederhana, atau peringkat tengah, daripada RM 2200 – RM 2800. Dan sebenarnya ada pembaca blog saya share ni, yang dapat gaji sampai RM 3200. Walaupun fresh graduate. Dan kalau kerja company lagi besar, memang boleh jadi 5 angkalah ceritanya. Saya pernah tengok, orang yang bekerja gaji besar, dalam tempoh 5 6 tahun macam tu, gaji dia **RM 32 600**. Ini bukan fresh ya, saya tak pasti dia masuk kerja awal awal gaji dia berapa, tapi selepas beberapa tahun, sebelum dia umur 40an. Gaji dia dah capai tahap ni.

Macam saya cakap tadi, nak mudah kata, lagi tinggi anda belajar, lagi tinggilah anda akan dapat gaji nanti.

Tapi sebenarnya, gaji yang tinggi, bukan ditentukan oleh level study kita sahaja. Ia juga ditentukan juga oleh jenis company atau kilang yang kita akan bekerja itu.

Sebelum saya bagi contoh, apa yang saya maksudkan dengan ciri ciri company yang bagi gaji besar atau kecil, saya nak jawab dulu persoalan, **perlu ke study sampai degree?**

Walaupun saya cakap, lagi tinggi kita study, lagi tinggi kita dapat gaji. Sebenarnya, ia masih lagi bergantung kepada keadaan satu satu orang ni. Kalau dah memang mak pak kau AlifSyukri, buat apa buang masa belajar.

Saya pernah tengok, satu orang perempuan, umur dalam 34 tahun gitu yang uruskan lebih daripada 5 tempat niaga burger. Pendapatan sebulan pun dah ribu ribu. Buatnya, adik adik ni jadi anak dia, buat apa susah payah belajar.

Baik sambung je kerja mak tu. dia pun bukan larat dah nak jaga jaga kedai burger tu lama lama.

So semuanya berbalik pada keadaan kita, kalau memang family kita mampu dan sudah berjaya, teruskan. Kalau macam tiada pilihan lain yang lebih baik, study sahaja dulu. Nanti kalau ada rezeki di tengah jalan, kita buat keputusan lain.

Baik, sekarang ni, apa yang membezakan company itu akan bagi gaji kecil atau sederhana, atau besar gila.

Bergantung kepada perkara ni

Produk apa yang company tu jual

Ya, janganlah harapkan company yang jual keropok lekor sama untungnya dengan company yang jual oil and gas. Pasti tak sama untung, tak sama capacity, dan juga tak sama kebolehan untuk menggaji pekerja.

So sangat penting untuk anda faham juga sikit sikit, jenis product setiap company tersebut. Supaya kita boleh pilih nak bekerja dengan depa ataupun tidak.

Dalam pengalaman saya sendiri, kerja dengan company yang mengeluarkan produk besi, lagi lebih gajinya daripada company yang mengeluarkan product plastik, macam handset cover contohnya. tapi company yang mengeluarkan product plastik tak boleh lawan pula dengan company yang berada dalam bidang semikonduktor, contohnya produk microchip.

Jumlah Pekerja

Kalau jumlah pekerja sikit, dah pasti gajinya sikit. Contoh

macam saya kerja dulu di kilang besi, yang mengeluarkan produk screw dan nut. Gajinya nak dapat RM 1200 pun macam payah. Masa ni tahun 2012. Memang pekerjaanya pun sikit, tak sampai 50 orang.

Tapi bila saya bekerja dalam company bidang semikonduktor, dengan jumlah pekerjaanya lebih 5 ribu orang juga. Gaji boleh pergi sampai RM 1500.

Tempat, atau negeri

Ini pun satu hal juga, korang tau tak, kalau anda kerja di kilang Ipoh, baru dapat dalam RM 1250 untuk fresh graduate. Tapi kalau lebih kurang kilang yang sama, tapi terletak di Batu Maung, Penang, atau pun Kulim, Kedah. Gaji korang akan boleh sampai RM 1800 basic.

Saya juga pernah tengok, satu orang perempuan ni gaji dia RM 2200, walaupun baru habis belajar diploma. Tinggi ni. Nak pula, kalau kerja kilang yang boleh buat OT dan shift siang malam. Memang gaji boleh mudah mudah sampai RM 4000 ke 5000 sebulan kalau dapat basic RM 2200.

Padahal baru umur 21 atau 22 gitukan kalau tamat pengajian diploma.

elaun dan benefit

Ini pun berbeza. Ada company yang boleh bagi elaun sampai RM 300 sebulan. Maksudnya kalau anda dapat gaji RM 1800. Boleh lah merasa RM 1800 juga, sebab $RM\ 1800 + 300 =$ memang 2100. Tapi selepas tolak KWSP 11%, memang akan jadi dalam RM 1800 juga.

Saya pernah juga kerja dengan satu company yang bagi bonus saham setiap 3 bulan. Banyak juga saya dapat dulu, dalam 1000 ke 1500 setiap 3 bulan.

Dan saya pernah dengar cerita, company yang kerja dalam bidang

buat simen, di Perak banyakkann!. Ada 4 company buat simen di Perak. Rasanya yang paling banyak di Malaysia bertapak dalam satu negeri. Kalau company lain, bagi 1 bulan sahaja bonus akhir tahun, tapi company ni bagi sampai 6 bulan.

Tak tau lah betul ke idak. haha..

4 company cement di Perak tu ialah YTL, Lafarge, Tasek Cement dan Hume Cement.

YTL ni saya tak tahu nak masuk ke pintu masuknya macam mana, haha sebab tepi highway. Tak biasa lalu, jalan kecik tu. Lafarge ni memang gedabak besar. Tasek cement, saya pernah dapat interview kilang ni, tapi saya tak pergi sebab takut dengan hidung sensitif pula. Kerja banyak habuk.

Hume cement kawan saya dulu teman basikal jadi supervisor sana.

Kalau tak silap saya, masa saya kerja dulu, ada 3 jenis bonus.

1. bonus setiap 3 bulan yang saya cakap dari saham
2. bonus akhir tahun satu bulan gaji
3. dan bonus performance, dalam separuh gaji rasanya. lupa dah kita, padahal baru 2018 gitu. Sekarang, 2022.

Kalau macam kerja askarkan. Kira kerja kerajaan, kalau jenis askar askar macam level kecik kecik, bukan pegawai. Gaji memang sikit. Sian saya tengok, tapi kerja sampai umur 40 atau 42 sahaja. Tapi pencen dapatkan? so itu benefitlah tu. kadang kita nampak gaji sikit, tapi benefit banyak.

Ada juga kerja kerajaan yang tak ada pencen, tapi kalau tengok payslipnya gaji banyak. Gitu, vice versa.

Saya dah fikirkan 4 perkara ni, apa lagi ya...

erm...

pukul 2 34 pagi dah ni.

jap saya fikir lagi...

Huh, environment bekerja pun ambil peranan juga.

Work Environment

Kalau anda kerja buat software, level degree, memang mudah gaji nak dapat banyak, lebih daripada RM 2800 pun tiada masalah.

Mungkin yang buat software dalam 3 atau 4 orang sahaja. Admin sorang, bos sorang. So total manusia dalam ofis tak sampai 10 orang. Tapi yang menggunakan software tu, katakan sampai 2000 orang?

Kalau yang subscribe tu 1000 orang, dan setahun kena bayar RM 250 pun dah berapa dapat. So main peranan juga ni. Begitu juga, kalau anda tengok staff staff macam website iproperty, jobstreet atau mudah.my. Saya tak rasa pekerja mereka sampai beribu ribu.

Tapi sebabkan produk yang mereka hasilkan melibatkan orang ramai. Memang jenuhlah duitnya.

gitu lah. Selesai ya, 5 keadaan yang saya dapat fikirkan secara sejenak..

Pilih company anda bekerja dengan bijak, kalau tak bijak lagi tak apa. Kerja dan pilih sahaja yang mana mana dulu, nanti bila kita dah berkawan dalam company tu kita tahulah mana company yang kerja best.

Oh ya, kadang tu gaji tak banyak pun tak apa, asalkan kerja seronok. Bos baik.

So kerja sahaja dulu, nanti lama lama tahulah. Saya pun macam itu juga dulu. Artikel ini saya tulis, memang tak sampai sejam, tapi tempoh saya bekerja sejak 2010 lagi, sekarang kita 2022. Dah 12 tahun dah.

Course Yang Senang Dapat Kerja

dulu, masa saya kecik kecik lagi. Mak saya pernah juga sembang, ada sorang kakak saudara saya ni yang masih lagi tak dapat kerja. Kiranya si dia ni dah graduate lah kan. Cuma belum dapat kerja sahaja lagi.

Dan bila saya tanya kenapa.

Mak cakap!!

Sebab orang yang kerja sekarang ni tak MATI lagi.....huhu

Sori ler kasar sikit.

Saya rasa cerita nya macam ni lah. Tapi yang pasti, ayat kalau orang tu tak mati lagi, memang tak dapat kerja. Ok lah, baik sikit. Selagi orang tu tak pencen. Tak ada lah kerja kosong.

Saya sendiri, sebagai seorang manusia yang exactly genap 1 tahun bergelar suami (27 Sep 2017 ni). Dan juga yang dah sambung belajar sampai U. dan juga yang dah kerja lama dekat 7 8 tahun dah ni.

Bila fikir fikir balik, memang susah juga nak jawab soalan, "course yang senang dapat kerja".

Mungkin sebab soalan tu terlampau general kot.

Lain la kalau korang tanya..

Tahun 2020 jawatan kosong untuk jururawat banyak tak?

Hah, kalau yang ni saya boleh jawab. Memang banyak dan berlambak lagi..

So kalau korang boleh spesifik kan sikit jawatan kosong, atau mungkin minat korang tu apa. insyaAllah saya boleh bagi gambaran macam mana.

Untuk dalam tempoh sekarang ni..anda boleh rujuk Jobstreet.



Kenapa jobstreet ya? Ok macam ni.

Jobstreet adalah gedung cari kerja kosong yang paling unggul dan paling popular di Malaysia. Tapi untuk sektor swasta sahaja. Mana yang nak cari keje government bukan sini tempat nya.

So untuk swasta sahaja. Sekarang, KLIK pada 'search jobs' di atas. Dan terpapar lah gambaran seperti di bawah..

JobStreet.com
No. 1 Job Site in Malaysia

Search Jobs By Title, Skills or Keywords... [Advanced](#)

Jobs in Malaysia [Save as email job alert](#)

Search Criteria

Job Title or Keywords ...

All Locations ▾

All Specializations ▾

Minimum Salary (MYR)

Browse Jobs

- Specializations
- Position Levels
- Locations
- Company Names
- Overseas Jobs

All Jobs | Direct Employers | Recruitment Firms ▾

Technical Support Engineer
GIVME SOLUTIONS SDN. BHD.

📍 Kuala Lumpur
💰 [Login to view salary](#)

Job Responsibilities : Handle day-to-day IT operations of the client's organization's computer systems and networks. Handling Technical or Infrastructure Projects being assigned. Installing and configuring workstations and servers. Analyzing , troubleshooting and resolving system...

7 minutes ago • [more ▾](#)

Personal Financial Consultant / Personal Loan Specialist (Gombak)
Hong Leong Bank Berhad

📍 Kuala Lumpur, Selangor
💰 [Login to view salary](#)

Solicit leads via referrals and cold calls for sales via marketing visits, telemarketing, launches, road show and any other sales activities to...

8 minutes ago • [more ▾](#)

Apa yang saya nak bagi tahu ialah...mungkin boleh bantu juga lah sedikit gambaran kan..

Sebabkan jobstreet yang paling ramai orang guna. So jumlah jawatan kosong baru yang diiklan setiap hari sangat banyak. Contoh macam kotak merah di atas. Latest 7 minit yang lalu. Ni kalau saya refresh semula, mesti ada lagi iklan baru...try nak? Jum...

JobStreet.com
No. 1 Job Site in Malaysia

Search Jobs By Title, Skills or Keywords... [Advanced](#)

Jobs in Malaysia [Save as email job alert](#)

Search Criteria

Job Title or Keywords ...

All Locations

All Specializations

Minimum Salary (MYR)

Browse Jobs

- Specializations
- Position Levels
- Locations
- Company Names
- Overseas Jobs
- Fresh Grad Jobs
- Classified Jobs

[All Jobs](#) [Direct Employers](#) [Recruitment Firms](#)

Urgent Hiring: Dental Technician (Ceramist)

Prodent Dental Laboratory

- 3Shape certified
- Trios ready laboratory
- Licensed by 3Shape Denmark

📍 Kuala Lumpur - Any
\$ Login to view salary

Responsible for ceramic build up, veneers, and esthetic cases. Job Requirement: Candidate must possess at least Diploma/Advanced/Higher/Graduate...

5 minutes ago • more ▾



여행 계정 (한국어) Customer Service

Sutherland Malaysia

📍 Kuala Lumpur (Malaysia)
\$ Login to view salary

통합 된 백 오피스 및 고객 서비스 지원 서비스 세트를 제공하는 글로벌 비즈니스 혁신 회사 인 Sutherland에 합류했습니다. 전 세계에서 가장 규모가 크고 독립적인 공정 전환 회사 중 하나 인 Sutherland는 주요 산업 분야에서 마키 클라이언트를 제공합...

7 minutes ago • more ▾



URGENT HIRING! Mortgage Executive - Chinese Speaking Candidates

HSBC Electronic Data Processing (Malaysia) Sdn Bhd

📍 Selangor
\$ Login to view salary

Candidate must possess at least a Higher Secondary/STPM/A Level/Pre-U, Diploma, Advanced/Higher/Graduate Diploma, Bachelor's Degree, Post Graduate Diploma, Professional Degree, Economics, Finance/Accountancy/Banking, Business Studies/Administration/Management, Mathematics, Commerce...

9 minutes ago • more ▾

Technical Support Engineer

GIVME SOLUTIONS SDN. BHD.

📍 Kuala Lumpur
\$ Login to view salary

Job Responsibilities : Handle day-to-day IT operations of the client's organization's computer systems and networks. Handling Technical or Infrastructure Projects being assigned. Installing and configuring workstations and servers. Analyzing , troubleshooting and resolving system...

10 minutes ago • more ▾




Tengok tu, dalam tak sampai beberapa minit saya sediakan artikel ni, bila saya refresh, ada lagi iklan jawatan kosong lain yang baru di hantar. Untuk kes di atas, ada 3 jawatan kosong baru.

So sekarang, kalau nak tahu apa yang anda minat tu ada ke tak kerja kosong tak. Course yang anda study tu laku ke tak. Boleh lah buat carian di jobstreet. Dan tengok pada timing kotak

merah di atas. Kalau dalam sehari tu ada 10 atau 15 jawatan kosong yang dihantar. insyaAllah lagi 3 4 tahun pun ada macam tu juga. Malah mungkin lebih banyak...

Contoh di bawah ialah untuk carian 'nurse'



Untuk hari ni tak ada lagi. Mungkin baru pukul 1 43 pm. Mana tahu diorang hantar petang sikit. Tapi semalam dekat 10 jawatan kosong juga..maksud saya, yang berstatus 'yesterday'.

Ok lah..saya rasa macam tu je la kot.

Kalau nak saya bagi pandangan, tinggalkan komen. Nanti saya cuba link kan apa yang anda minat, dengan permintaan suatu hari nanti

Part 1/3 – Risau Dengan Kos Sekarang Takut Tak Dapat

Kerja?

Nak dijadikan cerita. Ada sorang adik ni dia inbox saya di facebook. Tanya saya, kenapa sampai dapat gaji RM 4000 walaupun hanya ada diploma.

Ok, ini juga adalah mindset yang sama saya ada masa belajar dulu. Kalau anda terkejut dengan nilai RM 4000. Saya pula terkejut kenapa tak RM 1 500. Sebab, ikut kan masa saya belajar dahulu. Apa yang saya tahu, gaji dasar untuk diploma ialah RM 1 500. Manakala kalau Degree RM 2 500.

Saya dah pun terangkan pada si kawan kita ni macam mana boleh cecah sampai 4k. tapi rasanya, elok juga kalau saya buat satu post detail dalam blog ni.

Saya ada pecahkan kepada beberapa subtopik kecil untuk anda lebih jelas akan apa yang saya cuba nak sampaikan..

- 1. Kenapa gaji saya sampai 4k walaupun hanya diploma*
- 2. Adakah benar gaji paras untuk diploma ialah RM 1 500? Degree RM 2 500*
- 3. Berkenaan dengan tajuk kita? Apakah kos yang confirm dapat kerja.*

Kenapa gaji saya sampai 4k walaupun hanya diploma

Jawapannya ialah sebab saya OT. Kah kah...

Masa mula mula kerja company sekarang. Basic saya RM 2000. Lepas 6 bulan, sampai akhir tahun untuk naik gaji. Saya naik RM 60. So, jadi RM 2060

Untuk hari ni, ialah 2 September 2017. Agak agak gaji saya naik berapa? Tak apa. Kita teruskan dahulu. Nanti saya cerita kat bawah.

Sekarang saya nak cerita. Macam mana basic saya boleh sampai RM 2060.

Semuanya adalah disebabkan pengalaman. Masa mula mula graduate, saya kerja operator gaji RM 700. Ini zaman melineum tau. Bukan zaman tok kadok dulu. Zaman saya dengan zaman korang semua ni lebih kurang sahaja. RM 700 bukan keje level diploma. Biasalah, sementara menunggu. Lepas tu, saya dapat kerja tempat lain RM 1 200. Lepas tu masuk kilang yang ada OT. Basic dah jadi RM 1 500. Dan bila OT saya boleh dapat RM 2 500.

Bayangkan, saya graduate 2009. Dapat merasa gaji RM 2 500 masa tahun 2012. Adoi.

Oh ya. Basic RM 1 500 ni, tahun 2012 baru merasa.


So saya nak jawab soalan no 2 terus. Adakah benar gaji paras untuk diploma ialah RM 1 500? Jawapan TIDAK.

Saya dapat RM 1 500 tahun 2012 tu sebab saya sudah ada pengalaman kerja.

So berapa sebenarnya gaji basic starting untuk Diploma?

Jawapannya bergantung kepada negeri mana atau industri apa, atau kilang anda kerja, company yang anda kerja hasilkan produk apa dan pelbagai lagi.


Katakan saya bagi contoh faktor Negeri...



Untuk fresh graduate Diploma, kalau kerja di Ipoh. Atau lebih tepat kilang kilang di Ipoh. Kalau dapat RM 1 250 tu. boleh la buat kenduri kesyukuran cepat cepat. Bertuah sangat lah tu. kadang kadang geram juga kan, kerajaan buat gaji minima RM 1000. Dah tu kita yang diploma ni naik RM 250 je lebih hempas pulas 3 tahun amik. Haha..bagi saya, fikir macam ni pun betul, tak fikir macam ni pun betul. Tapi tak apa lah, kita skip dulu untuk hujahan hal gaji minima ni...

So, di Ipoh. Kalau fresh graduate dalam RM 1 250. Atau RM 1 400. Agak susah untuk sampai RM 1 500. Ini untuk spec kerja kerja kilang tau.

Kecuali kalau anda kerja kilang Taset Cement yang besar tengah tengah tu.



Kemungkinan besar boleh dapat RM 1 500. Kenapa boleh dapat? sebab macam saya cakap tadi. Bergantung kepada company yang anda nak kerja tu buat produk atau atau industri apa. Kalau cement, kerja di Ipoh. Agak cemerlang juga lah. Ada 3 kilang utama yang besar di Ipoh. Sebab batu kapur barang kali.

Kalau spec kerja kilang tapi area macam Penang, Kulim, Johor. Tinggi sikit lah. Lebih kurang dalam RM 1 800. Ya, terus dapat RM 1 800.

Kenapa jadi macam ni? sebab saingan. Di Penang, Kulim, Johor, memang kilang banyak. Kawasan industri kan. Kalau di Johor, siap ada company yang bayar guna Sing Dollar lagi.

Berbeza juga, kalau anda kerja perkapalan. Adik saya, basic starting RM 1 800 kalau tak silap. Lepas 2 tahun rasanya basic dia sudah jadi RM 2 500. Plus OT, elaun semua ada kalau ada job, lebih kurang 10k sebulan.



Oh ya. Adik saya sudah berhenti kerja tu. dan sekarang dapat kerja kerajaan. Basic dalam 2k. tiada OT rasanya, tapi maintain tahunan naik dalam RM 150 kalau tak silap.

Kalau saya yang kerja kilang ni, memang susah la nak maintain RM 150 setahun. Ada kawan saya yang naik 30 hengget sahaja.

Tapi kalau PLUS OT semua, orang yang kerja swasta memang boleh dapat lebih.



image credited to <http://pinckneygriffin.com/7-ways-to-extra-cash/>

Oh ya...untuk setiap department di bahagian kerajaan juga berbeza gajinya. Contoh kalau anda kerja di bahagian Keselamatan macam polis lain, di bahagian Kastam lain. Di bahagian hospital kerajaan lain. Di bahagian Pertanian ke semua lain. Memang tak sama lah ceritanya.

Biasanya yang tinggi kalau kerja dengan jabatan kerajaan ni ialah anda kerja dengan jabatan yang dapatkan duit untuk kerajaan. Macam Lembaga Hasil ke. Memang kutip duit rakyat ni. Kastam ke, keluar masuk duit Import semua ni. ataupun macam isteri saya, Jabatan Audit. Tinggi juga. Kenaikan pun maintain RM 250 sebulan.

Kalau anda minat nak kerja kilang macam saya.

Bajek gaji nya buat macam ni.

Kalau basic 2k, anda boleh OT sampai RM 3 500

Kiranya jumlah final gaji tu akan jadi tambahan separuh dari basic. Jarang sangat anda boleh lebih dari basic.

So, kalau basic 3k. OT akan jadi 4.5k

Tapi kenapa saya 2k, lebih jadi 4k?

Saya pernah dapat 4.9k juga sebenarnya.

Ini lagi satu cabang kenapa gaji boleh lebih. Iaitu benefit yang setiap company provide kan. Saya tak perlu cerita tentang n, nanti korang dah kerja korang tahu lah.

Yang penting ceritanya macam ni. bila nak cari kerja, ambil tahu berapa basic boleh dapat, dan apa benefit yang ada.

Dekat Ipoh. Ada satu kilang ni namanya XXX. Saya pernah kerja sini dulu. Kerja nya memang best. Rilex. Sempoi. Tapi gaji ciput. Naik gaji lambat.

Banding dengan kerja saya sekarang, leh dapat lebih kan. Tapi kerja macam bullshit. BZ memanjang.

Biasa lah tu, vice versa. Tak semua rezeki kita boleh dapat. yang penting, bersyukur.

Tak sangka artikel ni dah sampai 918 patah perkataan.

Jum kita pergi Part 2 pula,

Iaitu degree betul kah RM 2 500 sebulan untuk fresh graduate.

Summary

1. Kenapa gaji saya sampai 4k walaupun hanya diploma
2. [Adakah benar gaji paras untuk diploma ialah RM 1 500? Degree RM 2 500?](#)
3. [Berkenaan dengan tajuk kita? Apakah kos yang confirm dapat kerja?](#)

Part 3/3 – Apakah Kos Yang Confirm Dapat Kerja?

Untuk siapa yang tiba tiba sampai ke page ni. Artikel ini adalah [3 series artikel](#) yang saya cuba sampaikan sekarang detail. Kalau anda tiba tiba datang ke page ni, sila pergi bahagian [Part 1](#). Baru faham dari awal apa yang saya nak citer.

The Disclaimer

Untuk menjawab soalan, jurusan apa yang insyaAllah confirm akan dapat kerja memang lah tersangat lah susah. Lagi pula dengan background saya yang bukan kerja pagi petang analisis benda ni. so, pendapat saya ni mungkin bias untuk pengetahuan surrounding dan kos yang saya tahu sahaja.

So, saya tak akan komen kos yang tak ada kerja kosong, tapi saya akan komen kerja yang confirm ada kerja kosong.

Maksud nya, benda yang saya tak tahu. saya tak komen, benda yang saya tahu sahaja saya komen.

Untuk tahu background saya, anda boleh baca di [SiapaSaya](#) dan [pengalaman kerja](#) saya.

Saya boleh kata 3 kos yang paling top dan paling ramai orang join ialah?

1. Mechanical

2. Electrical

3. Civil

Untuk permintaan kerja bagi jawatan kosong yang kena mengena dengan Mechanical dan Electrical boleh kata NO PROBLEM... InsyaAllah, pasti ada.


Tapi untuk Civil saya tak pasti.

Eh bukan tak pasti, saya tak tahu.


Kalau macam jawatan kosong mekanikal dan elektrik ni saya tahu cabang cabang nya. Kiranya pecahan pecahan lain jawatan yang relate dengan 2 kos ni. tapi untuk Civil. Saya pasti, jawatan kosong yang disenaraikan bukan sekadar "Jurutera Awam" sahaja.

Jum kita tengok, ada berapa jawatan kosong yang disenaraikan BARU di jobstreet...

Tapi sebabkan saya tak pasti apa nak tulis di search box Jobstreet bawah ni...



Saya pun click "Advanced" kat tepi box atas ni, dan tick Civil Engineering.



Dan. Terus click button dan tekan search jobs...

Perhatikan timing iklan jawatan kosong ini di post



1 hours ago kan?

Kalau tengok kat bawah bawah ni juga anda akan perasan 12 hours ago lah. Apa lah. Yesterday lah..

Kalau nak yang berada dekat dengan negeri anda. boleh click 'All Locations" tu, pilih negeri yang anda prefer.

Alrite...

Lagi ada soalan lain?

Summary

1. [Kenapa gaji saya sampai 4k walaupun hanya diploma](#)
2. [Adakah benar gaji paras untuk diploma ialah RM 1 500?Degree RM 2 500?](#)
3. [Berkenaan dengan tajuk kita? Apakah kos yang confirm dapat kerja?](#)

Oh ya.. Selain dari Jobstreet, anda juga boleh dapatkan data ni dari MauKerja juga. Tengok cara saya daftar dengan Maukerja di

sini, <http://www.saya-share.com/cara-daftar-dengan-maukerja/>

Part 2/3 – Diploma ialah RM 1 500? Degree RM 2 500?

Untuk siapa yang tiba tiba sampai ke page ni. Artikel ini adalah [3 series artikel](#) yang saya cuba sampaikan sekarang detail. Kalau anda tiba tiba datang ke page ni, sila pergi bahagian [Part 1](#). Baru faham dari awal apa yang saya nak citer.

Saya pernah terdengar, kawan saya yang ada degree kerja di Ipoh. Jadi engineer gaji starting RM 2000. Saya percaya akan

lebih lagi kalau kerja kilang yang besar sikit. Tapi rasanya macam mustahil untuk sampai RM 2500 kalau fresh.

Tapi untuk di Kulim, boleh sampai RM 2 800. Untuk fresh graduate degree ni.

Walaupun anda graduate dari USA pun. Kalau tak silap saya lah, sebab ada kawan yang graduate dari sana tapi RM 2 800 juga.

Secara generalnya, penentuan gaji starting berapa. Lepas tu kenaikan dapat berapa. Lepas berapa lama agak agak anda dapat berapa, masih lagi bergantung kepada Company tu keluarkan produk apa, company tu jenis industri apa.

Dari negara mana pun ambil kira juga.

Contoh kalau Company dari Germany, gaji OK sikit. Benefit OK sikit.

USA pun lebih kurang juga.

Tapi Jepun gaji sikit. Tapi kerja best. Company stabil. Contoh macam company US, nampak memang macam stabil. Tapi kalau diorang nak tutup. Memang tiba tiba sahaja nanti. Pernah jadi kat saya sebenarnya. Putih mata semua. Ramai kawan yang dah beli kereta semua. Rumah lagi.

Tiba tiba tutup.

Kawan saya, kerja dengan TNB. Hasilkan elektrik guna arang batu tu. kalau tak silap, diorang dapat elaun sampai RM 600 untuk bayar rumah sahaja. Best kan? Basic pun dah tinggi, OT pun ada. Kerja pun rilek.

Oh ya..abang saya kerja dalam bidang petroleum, gaji at least 30k sebulan. Itu pun tahu 2014 kalau tak silap.

Seperti yang saya cakap. Ia bergantung kepada industri apa dan produk apa.

Berikut antara produk produk company yang saya dan mana paras

level gaji nya.

1. Semikon, ini penghasilkan microchip ini lah saya join. Kos yang diorang nak hire biasanya mechanical, electrical, chemical. Dan yang sama waktu dengan nya.. GAJI? Banyak lah juga
2. Plastik – kat Ipoh banyak kilang plastik kalau anda perasan. Dari yang hasilkan plastik bag untuk shopping complex (ada banyak di Kuala Kangsar), dan juga yang hasilkan produk plastik seperti cover handphone (ada di area Jelapang). Gaji? Dengar cerita tinggi
3. Kilang besi – gaji? Rendah...tapi otak tak perlu nak serabut. Sebab produk tiada masalah teknikal macam yang saya alami di industri Semicon...


Saya bagi contoh ya.

Kalau kilang besi yang saya kerja dulu. Untuk hasilkan screw yang digunakan di highway tau.kalau tak silap bos jual screw tu dalam 1.5 dollar

Proses untuk buat screw ni, dari awal sehingga packing, lebih kurang tak sampai 10 process. Entah entah dalam 7 sahaja. Sampai packing terus jual..


Tapi kalau macam penghasilalan microchip atau industri semikon.

Yang anda boleh nampak bawah ni...



Untuk hasilkan apa yang anda nampak tu. Perlukan ratusan process.

Atau saya cerita Modul saya sahaja ya. Ini modul saya sahaja tau. Bukan modul lain. Kalau tak silap ada 6 modul utama semua. Apa yang anda nampak di atas, ada final resultnya. Kalau patah balik ianya adalah setelah potongan dari wafer. Atau kepingan bulatan yang dipanggil sebagai wafer, seperti saiz di bawah



200mm/1990~ 300mm/2001~ 450mm/2015~
(TBD) 675mm/ Future

Untuk di Malaysia, hanya ada 200mm saiz sahaja. 450 dan 675 tu saya tak pasti ada ke tidak lagi. Tapi yang pasti, kalau yang saiz 200 mm tu. kalau anda terjatuh, pecah berderai. Nilainya kerugian company sudah mencecah RM 10 000 tiba tiba.

Bayangkan, dalam satu bekas atau dipanggil kaset ada 25 keping...

Dan untuk process di modul saya sahaja, wafer ini akan sampai lebih kurang 30x. ini baru wafer ini sampai 30 kali. Bila wafer lalu di process modul saya, ada lagi process process yang kecil, lebih kurang dalam 5 process sekurang kurangnya.

Ok lah.

Saya rasa jelas kot

Sangat sangat bergantung pada industri apa.

So pandai pandai lah pilih. Oh ya nak tambah lagi lah..


Tadi saya sudah cakap industri semicon, plastik, kilang besi..

Seterusnya mungkin jururawat..

1. Kejururawatan – depends pada hospital. Pun tak berapa banyak sangat, tapi ok lah. Lagi terbaik kalau dapat hospital kerajaan.
2. Pembinaan rumah? Saya tak pasti...ok lah kot, by project. Saya pernah ada kawan yang jadi supervisor. Tinggi juga.
3. Pembinaan jalan? Confirm tinggi. Ini civil lah ni kan
4. Pembinaan terowong macam TBM? Tinggi juga

Tau apa TBM? Yang buat MRR2 kat KL tu. diorang guna konsep cacing masuk tanah.

Gigit tanah > telan > hadam dalam perut > berak > buang kat belakang



Serius, saya nak gila kerja ni dulu. Haha...

Alright, kita pergi ke [part 3](#). Iaitu yang terakhir.

Summary

1. [Kenapa gaji saya sampai 4k walaupun hanya diploma](#)
2. [Adakah benar gaji paras untuk diploma ialah RM 1 500? Degree RM 2 500?](#)

3. [Berkenaan dengan tajuk kita? Apakah kos yang confirm dapat kerja?](#)
-

Diploma Teknologi Makanan [Course Review]

Mari kita review salah satu bidang yang semakin naik di Malaysia. Bidang ni memang jarang jarang orang ambil. Ada yang tak pernah langsung pun ada. Tambah lagi yang macam saya lebih kepada kejuruteraan ni.

Untuk sebarang kesilapan penulisan, minta tegor saya k. Ini bukan kos saya, saya buat artikel ni rasanya ambil masa 3 jam juga untuk kumpul maklumat. Belum masuk lagi nak interview beberapa orang yang memang berada dalam bidang ni, untuk pastikan apa saya tulis betul. Dan kita juga boleh dapat manfaat lebih kalau ada orang yang memang pakar dalam Teknologi Makan Makanan ni.

Definisi Diploma Teknologi Makanan...

Diploma Teknologi Makanan adalah pengajian 3 tahun yang memberi focus pada pembangunan kaedah serta mengenal proses terbaik bagi menghasilkan produk makanan yang bermutu, sihat dan selamat.

Definisi tu saya petik dari KKTM, [Kolej Kemahiran Mara Lenggong](#)

Kiranya, course ni bukan nya macam kulinari yang lebih kepada memasak. Tapi lebih kepada cara/proses makanan itu disediakan. Adakah selamat atau tidak.

Tak apa, kita ambil lagi satu contoh definasi dari [Blogger Afrina Izyan](#), yang juga sambung pengajian dalam bidang ini.

Kami mengkaji tentang nutrisi dalam makanan, belajar cara memproses makanan, jenis penyakit dan mikroorganisma dalam makanan dan lain-lain.

Bidang Kerjaya Yang Boleh Diceburi

Untuk bidang kerjaya yang adik adik semua boleh koje ialah macam di bawah ni:

1. Penolong Jurutera Pemprosesan
2. Pemformulasi Makanan
3. Pembantu Pegawai Penyelidik
4. Penolong Pegawai Jaminan Kualiti
5. Usahawan

Ada lagi tak selain daripada 5 contoh jawatan tu? Mesti lah ada. Tapi tak best kalau saya list kan macam tu sahaja, apa kata saya buat carian di Jobstreet dan juga Maukerja untuk adik adik?

memang sudah ada login untuk Jobstreet, jadi saya boleh tengok terus gaji yang ditawarkan.

Carian di bawah juga adalah untuk tempoh masa saya tulis artikel ni iaitu 4 July 2017. Kita tengok ada tak jawatan kosong yang baru baru ini di keluarkan.

<p>Food Safety Executive (Melaka) GCH Retail (M) Sdn. Bhd. 📍 Melaka, Perak 💰 Around Expected Salary</p> <p>Responsibilities Assist in managing food stores, distribution centre, fresh production</p> <p>23 hours ago • more ▾</p>	<p>Food Analysis Spectrum Laboratories (Johor)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Good organization skill a • Good working environm • Passionate with laborato <p>📍 Johor Bahru (Johor) - Ta 💰 MYR 1,800 - 2,700</p> <p>Supervise and conduct Food sampling and in-situ analysis analysis in accordance</p> <p>Yesterday • more ▾</p>	<p>Senior Business Ingredients) Markaids (Malaysia)</p> <p>📍 Johor, Kuala Lumpur 💰 MYR 3,000 - 4,500</p> <p>MARKAIDS is Malaysia experience and a ne</p> <p>22 hours ago • more ▾</p>
<p>Dietitian Cezars Kitchen Sdn.bhd</p> <p>📍 Kuala Lumpur - Mont Kiara 💰 MYR 1,800 - 2,200</p> <p>Cezars Kitchen is seeking Dietitian to join our perfect candidate to join our Malaysia team.</p> <p>53 minutes ago • more ▾</p>	<p>Nutrition Consultant Wellness Concept (M) Sdn</p> <ul style="list-style-type: none"> • Excellence Career De • Benefits: Bonus, Perf • Join A High Performin <p>📍 Melaka (Melaka), Petaling 💰 Around Expected Salary</p> <p>What we are looking for:</p> <p>Yesterday • more ▾</p>	

Ok, mana yang baru first time tengok Jobstreet, banding ngn saya yang dah 7 tahun tengok. Meh nak kongsi sikit. Tengok pada pada gaji berapa bagi, dan tarikh iklan oleh company ni keluarkan. Sekarang ni 5 July 2017, pukul 10 31 am. Jadi kita nampak lah, iklan untuk jawatan kelulusan ni ada tiap tiap hari kan.

Hah lagi satu nak jelas, yang manager atau nampak gaji lebih dari RM 3000 tu rasanya kalau fresh memang tak layak apply kot. Sebab kalau jenis jenis gaji macam ni, memang nak pengalaman. Tapi tak apa lah, maksudnya ada la potensi nya kan. Pengalaman boleh di cari, itu sebab nanti koje jangan memilih sangat, koje dulu 2 3 tahun. Dan baru demand. Dan, pastikan untuk usaha dapat Ijazah ye dek.

Ok good good.

Apakah Syarat Syarat Layak Masuk Politeknik Konvensional Untuk Kos Ini..

Petikan di bawah saya copy paste sahaja dari masuk IPT. Untuk lebih OK anda click satu lagi link yang **saya sertakan di bawah.**

Syarat am untuk [memohon program Diploma](#) di Politeknik Konvensional adalah memperolehi 3 Kepujian peringkat SPM. Di samping itu, pelajar perlu memenuhi syarat khas program yang ditetapkan. Sebagai contoh, bagi program Diploma Kejuruteraan Awam, pelajar dikehendaki lulus SPM dengan syarat minimum berikut:

Lulus Bahasa Melayu

Lulus Bahasa Inggeris

Lulus Sejarah

Mendapat TIGA (3) kepujian bagi mata pelajaran berikut termasuk;

Matematik atau Matematik Tambahan

SATU (1) mata pelajaran berikut: Biologi atau Fizik atau Kimia

SATU (1) mata pelajaran lain yang belum diambilkira kepujiannya

Untuk lebih lengkap, rujuk [POLITEKNIK EDU](#) ni << **ini dia link yang saya maksud kan.**

Senarai Universiti Yang Ada Kos Teknologi Makanan

USIM, UPM, UKM, USM, UniSZa, UITM dan UMS

Ini [silibus dari UITM](#) Negeri Sembilan...

+ [UniKL](#)

Politeknik Yang Ada Kos Teknologi Makanan

[POLISAS](#) – Poli ini ditubuhkan sejak 1976, antara aktiviti dan pencapaian [Polisas](#), [Utusan](#)

Dan untuk pengetahuan korang juga, punya la banyak blogger dari Polisas yang saya jumpa. Tapi saya tak pick semua, ambil yang terbaik sahaja. Nanti saya link kan di bawah.

Saya pun baru tahu adik perempuan saya sendiri pun dari POLISAS, ni hah baru wasap dia. Haha, dan Ya dia pun ambil kos yang sama juga. Ingatkan POLIS.



Ikutkan kata adik perempuan saya, selama ni POLISAS je yang ada Food Tech ni, patut lah ramai blogger semua dari Polisas. Tapi dia ada juga cakap, Poli Pagoh Johor pun kemungkinan baru ada sekarang. Baru nak start 1st semester katanya. **(Tarikh sekarang July 2017 ya, harap maklum)**

Dan bahagian terakhir dalam artikel ini ialah...so juga kumpul kan antara blogger blogger yang memang ceburi bidang ni. Rasanya kalau apa apa, lagi elok anda rujuk diorang. Saya sekadar boleh share tips temuduga sahaja. Untuk lebih

specific, minta rujuk pada diorang ya.

Hah, ini dia [panduan temuduga lengkap](#) yang saya maksudkan.

Antara Blogger Yang Terbaik Untuk Rujukan Anda.

Nurul Syazwana – Kenali Cik Puan Nurul Syazwana, rupanya Cik Nurul ni sebaya saya. Blogger ni asal dari Pontian, dan memang sekarang di kerja dalam bidang yang kita duk sembang ni. Kerja gov rasanya. Saya dah pun contact dia untuk minta dia kongsikan sikit cara dia apply kerja, dari SPA ke, lepas tu bila dia datang temuduga apa yang di tanya oleh Ahli Panel. Penting juga untuk kita tahu kan. Eh bukan kita, saya tak termasuk. Korang ler.

Yang paling penting soalan temuduga dia tu. Saya juga nak tanya, kalau tiada pengalaman apa pula yang korang nak goreng kan.

Untuk sinopsis kerja, apa benda yang Cik Nurul Syazwana buat, rasanya dah cukup lengkap dah apa yang ditulis dalam blog. Anda boleh rujuk [tanggungjawab food tech PTM](#) (link ke blog beliau ni)

Tuan Noh – saya tak berapa pasti sangat tentang butir beliau, Tuan Noh. Tak jumpa pun ruangan About Me di blog nya, tapi yang pasti. Salah satu artikel nya terangkan potensi yang anda semua boleh cebur kalau ambil bidang Teknologi Makanan ni. Saya yang baca pun rasa teruja. Mungkin saya akan cuba contact beliau, mana tahu memang Tuan Noh berpengalaman luas dalam bidang ni.

Apa apa pun, artikel yang saya maksudkan ialah, [Kerjaya Dalam Bidang Teknologi Makanan](#)

Update 1x: Tuan Noh aktif dekat FB rupanya, tak pa tak pa, nanti saya contact beliau untuk anda. Nampak macam orang kuat

juga.

Budak Spec Bintang – Si Permaisuri ni sekarang (2015) menuntut di UITM Shah Alam untuk Ijazah Sarjana Sains dan Teknologi Makanan. Sebelum ni, Diploma Teknologi Makanan [UITM Kuala Pilah](#). Ikutkan penulisan cik adik ni (Pakcik dah Tua), dia lebih kongsi subjek apa yang anda belajar nanti. Serta serba sikit tentang latihan industri. Saya baca separuh sahaja, jadi pening tengok satu satu silibus korang. Boleh baca, di blog beliau ya, [synopsis study Food Tech](#).

Kawan Si Budak Spec Bintang ini pun, [Azhani Azmi](#) pun bagus juga penulिसannya. Baca juga ya...

p/s – baca baca juga lah bahagian comment, banyak juga depa sembang sembang tentang kos ni. Saya malas nak go thru satu satu. Dah 7 tahun koje, jadi bebal sembang pasal subjek.

Dah la dulu, aq amik MUET. Kononnya macam dah siap, punya la eksyen ngn kawan aq siap dulu. Rupanya page terakhir aq tak selak pun. Memang najis betul lah...tu yang dapat MUET 2 tu. Aarghh..

Hiba hiba...

Saya tengah mencari blogger laki ni, tapi yang saya jumpa 2013. Macam lama sangat je. Lagi blog tak aktif. Tak pa kita skip jejak itu.

Siti Fatimah Naim – Blogger yang terakhir, dari UITM Kuala Pilah.

Eh jap, korang yang aq amik ni macam semua kawan kawan je. Segan plak PakCik rasa. Pakcik ni laki orang tau. Tapi tak pe lah.

Blogger Siti Fatimah ni, tak ada apa sangat yang dia kongsi dalam blog nya. Tak ada tips, tak ada sembang pasal silibus. Tak ada sembang pasal yang macam blogger lain. Tapi saya suka cara dia tulis, bersyukur dengan apa yang Allah bagi.

Jujurnya saya sendiri pun dulu, suka nak jadi kapal designer. Kiranya guna solidword design kapal. Lepas tu, saya juga teringin nak keja dengan Mardi. Reka machine machine yang simple tolong petani kecil. Antara machine yang saya ada try bina masa kerja dulu machine yang bengkok kan tiang lampu kat tepi jalan tu. Machine tu besar tau, lebih kurang besar kereta. Tapi tak kesampaian pun jadi designer kapal, lantas saya ambil meki, kononnya laki banyak amek meki. Saya tanya kawan yang memang Meki, dia cakap meki ni lebih kepada mesin mesin katanya. Saya suka sangat lah ni.

Namun, lepas graduate. Atau dalam tempoh sejak 2 tahun daripada sekarang. Saya rasa macam lebih baik saya ambil study dalam coding. Java semua. Bina software sendiri semua. Sebabkan potensi dan minat yang tiba tiba ke arah ini...erm macam macam.. Apa apa pun, yang pasti. Korang mesti suka dengan apa yang korang buat. Benda yang lepas tak perlu kenang lagi kan..

InsyaAllah semuanya menuju ke arah kebaikan. Dalam blog beliau, Cik Siti ada kongsi, jangan frust sebab tak suka kos ni, bla bla..ah baca lah sendiri, nasihat [Stifa Almurisi](#).

Diploma Kejuruteraan Mekanikal/Awam – Berapa Gaji Anda Dapat?

Agak agak berapa gaji yang anda akan dapat umumnya untuk kelulusan diploma, bila sudah masa bekerja nanti? Tidak kisah lah, sama ada anda kelulusan diploma awam, atau pun Mekanikal

seperti saya sendiri. Mahupun diploma kejuruteraan elektrik dan umpamanya.

Adakah RM 1 500? Sebab ramai yang mengatakannya.

Tidak mungkin RM 1000 sebab gaji minima dengan hanya kelulusan SPM sahaja sudah diwartakan RM 1000.

Siapa Yang Tulis Artikel Ini.

Sebelum kita pergi ke lebih lanjut, biar saya perkenalkan siapa saya dahulu. Nama saya Syed Shaff. Saya punyai lebih [7 tahun pengalaman bekerja](#). Saya bekerja dalam bidang swasta. Bukan kakitangan penjawat awam. Kelulusan saya sendiri ialah dalam bidang Diploma Mekanikal Engineering daripada [Universiti Malaysia Pahang](#). Graduate pada tahun 2009. Untuk umur 29 tahun sekarang ini, sudah 4 kilang saya tukar kerja.

Kenapa tukar, bergantung kepada pelbagai faktor lah. Dan sebab utama, sudah pasti disebabkan gaji, iaitu tajuk yang kita cuba rungkai dalam artikel ini.

Anda bertuah, sebab masa saya belajar dahulu, 2006 – 2009 saya langsung tiada idea atau pun pengetahuan tentang ini. Namun, atas rezeki kesempatan yang Allah bagi, alhamdulillah saya sempat sampaikan mana yang anda perlu tahu supaya persediaan awal itu, insyaAllah.

Baiklah, sekarang anda pun tahu yang saya kelulusan Diploma Mekanikal Engineering. Dan 'directly' gaji saya ialah:

Kerja Pertama Sebagai Draftsman

Kerja ini lebih kepada melukis menggunakan Autocad dan juga Solidwork.

Antara satu task saya ialah,

Anda perasan tidak akan lampu jalan raya yang kadang kadang akan ada bengkok separuh bulat di bahagian puncaknya.

Kebanyakan di bandar besar seperti Putrajaya ada design tiang lampu seperti ini.

Percaya tidak, bengkok bulat tiang tersebut adalah dari satu mesin yang saiznya seperti satu kereta MyVi. Dan antara satu tugas saya, ialah copycat mesin ini bulat bulat, dan improvekan design dan kecekapannya supaya ia jadi lebih baik. Sebab teknologi, atau semasa mesin ini dicipta ialah lebih kurang 20 tahun yang dahulu. Tapi saya tak sempat habiskan task ini, sebab diberhentikan selepas hanya 5 bulan bekerja. Dan gaji saya ialah RM 1 200

Seterusnya, saya kerja sebagai operator di sebuah kilang screw.

Tugas seperti yang operator biasa lah, seperti contoh:

1. Bawah forklift
2. Bungkus produk.
3. Turunkan barang dari Lorri dan naikan barang semua.
4. Welding dan sebagainya.

Untuk tempoh ini, saya dalam keadaan terpaksa untuk MESTI juga dapatkan kerja. Kiranya, sekurang kurangnya saya masih lagi dapat duit walaupun ia bukan setaraf pengajian saya. Dan gaji saya ketika ini lebih kurang dalam RM 700 hingga RM 800. Sangat sedikit, memang tak cukup. Saya bagi bulanan ibu saya, lebih kurang dalam RM 50 sahaja.

Pertama Kali Jadi Technician

Seterusnya, saya masih lagi kerja untuk produk yang sama, tapi lokasi kilang lain. Tapi masih lagi 'bos' yang sama.

Gaji saya RM 1 200.

Masa ni tugas saya sebagai technician. Bermakna, saya sudah mula bekerja untuk level pengajian saya.

Antara machine yang terlibat ialah stamping machine. Thread

machine, welding, grinding dan aktiviti yang lain itu sudah pasti lah.

Pertama Kali Gaji Mencecah RM 2000

Selepas tidak sampai setahun, saya kerja sebagai Process Technician di sebuah kilang semiconductor di Ipoh. Kalau tidak silap, jumlah pekerja keseluruhannya lebih kurang dalam 2 500 orang. Ada lagi satu cawangan yang juga di Ipoh, jumlah pekerja untuk kilang yang satu lagi ialah lebih kurang dalam 1000.

Masa bekerja di sini, pertama kali saya dapat gaji yang betul betul pada tahap yang baru boleh menyimpan. Iaitu lebih kurang RM 2 500. Gaji pokok saya ialah RM 1 500. Bermaksud, RM 2 500 yang saya dapat itu adalah tambahan kepada kerja lebih masa yang saya buat.

Saya juga untuk usaha buat kerja lebih masa, mana tahu kalau boleh cecah RM 3 000. Tapi agak susah.

Paling tinggi pun, lebih kurang RM 2 700 sahaja.

Dan selepas 1 tahun 6 bulan, saya ambil keputusan untuk berpindah ke kilang yang lain.

Pertama kali cecah gaji RM 5 200

Untuk kilang yang ini, gaji pokok saya naik lebih kurang dalam RM 150 sahaja. Dalam RM 1650. Tapi bila saya buat kerja lebih masa, RM 3 500 sebulan itu adalah biasa.

Dan saya pernah sampai RM 5 200, sebab banyak kerja pada public holiday (2 atau 3 kali ganda dari gaji hari biasa)

Selepas 2 tahun, saya terpaksa berpindah ke kilang lain, kerana kilang yang sekarang ini ditutup atas sebab tertentu.

Pertama Kali Gaji Bulanan 4k itu biasa.

Di kilang yang seterusnya sekarang ini. Alhamdulillah, berkat rezeki kahwin agaknya. Selepas 7 tahun bekerja saya rasa sudah capai lebih daripada apa yang saya target.

Masa mula mula bekerja dahulu, saya ada bayangkan untuk dapat gaji pokok sekurang kurangnya RM 2 000 sebelum atau setidaknya tidaknya bila saya sudah berumur 30 tahun. Sekarang 29, tapi gaji pokok sudah mencecah RM 2 000 dan plus plus sedikit.

Dan ya, sudah hampir 1 tahun kerja di sini, boleh kata kerap juga gaji saya mencecah RM 4000 dalam sebulan, hasil daripada kerja lebih masa lah. Ini sahaja, kalau nak duit lebih kalau kerja dengan Kilang.

Kilang ini ada 2 cawangan, cawangan yang saya kerja ialah lebih kurang 2 500 orang, manakala cawangan yang lagi satu lebih kurang 7 ribu orang.

Dan sekarang kita akan pergi kepada bahagian yang paling penting. Iaitu kesimpulan artikel ini.

Kesimpulan...

Untuk menjawab persoalan di atas, berapa gaji yang kita akan dapat dengan kelulusan Diploma bergantung kepada pelbagai faktor. Dan antara faktor tersebut saya rumuskan di bawah:

1. Gaji pokok untuk Diploma bukan RM 1500 seperti yang saya dapat di atas. Tapi sebaliknya, untuk kilang ini ialah RM 1250 sahaja. Jangan sedih, orang SPM gaji minima RM 1000. Sedangkan kita yang ada diploma naik RM 250 sahaja. Bukan nak mengatakan tak layak untuk mereka yang belajar sampai SPM untuk dapat RM 1000. Jangan marahkan rezeki orang lain ya. Tapi nampak sangat tidak adilnya kalau dibezakan RM 250 sahaja. Tapi, ini sebenarnya masuk akal juga, teruskan pergi ke faktor seterusnya di bawah, anda akan lebih faham maksud saya.

2. Setiap gaji pekerja juga ditentukan oleh produk yang setiap kilang yang anda bekerja itu buat. Seperti contoh, kilang pertama saya, jual screw sahaja. Jadi basic RM 1 200. Dan selepas kerja dengan kilang yang lebih berskala besar, kilang tiada masalah pun untuk bagi saya RM 4k sebulan.
3. Ini pengalaman kilang swasta. Untuk penjawat awam, mungkin basic diploma terus cecah RM 1500 + lagi dengan elaun, total lebih kurang dalam RM 1850. Kenaikan setiap tahun juga tetap lebih kurang RM 150. Berbanding dengan swasta kadang kadang RM 60 setahun pun ada.
4. Jumlah kadar lebih masa, atau pun ada kerja lebih masa atau tidak juga bergantung kepada produk yang dikeluarkan. Untuk kerja kilang yang kukuh kebanyakan memang tiada masalah untuk anda dapat duit lebih. Kadang kadang kalau kerja kakitangan awam, sekalipun gaji pokok anda besar. Tapi tiada gaji untuk kerja lebih masa. Paling kuat pun boleh claim mileage sahaja. Tapi yang kerja swasta, sampai bila pula nak kerja lebih masa.
5. Gaji pengalaman saya kerja berbeza kalau anda kerja dalam bidang oil dan gas contohnya. Atau pun dalam bidang kejuruteraan awam bahagian projek pembinaan jalan dan bangunan. Kenalan saya sendiri, kerja dengan Shell, gaji pokoknya RM 4 900. Rezeki dia. Mana yang kerja kapal, adik saya sendiri. RM 10 000 sebulan lebih kurang. Tapi tak semua kerja kapal gaji tinggi. Ada bidang dan bahagiannya, rakan saya juga kerja perkapalan hanya berapa sahaja dapat.

Dan pelbagai lagi keadaan yang boleh kita jadikan kesimpulan. Sampai sini sahaja perkongsian saya. Terima kasih kepada THEVOCKET, terumanya Cik Dayana yang beri peluang untuk saya coretkan pengalaman yang tak seberapa saya ini. Sekian dulu, saya Syed Shaff, dari [Saya Share.com](http://SayaShare.com).

5 Group Gaji Yang Saya Tahu (1000/month to 32 600/month)

Salam. Saya dekat Pizza Hut ni.

Guna internet TM Wifi.

Sambil sambil memilokan diri.

Meh saya nak cerita sikit group gaji yang saya tahu.

Maksud saya group gaji ni, seperti macam ada yang gaji 1000 ada yang gaji 10k je, ada yang gaji 20k. so dekat sini apa yang anda boleh faham ialah, lepas ni cuba cuba la dapatkan kerja ikut pada sektor yang saya duk kongsi bawah ni.

Sebab, jangan anda harap nak gaji banyak kalau produk kilang yang anda kerja tu tak mampu nak bagi.

Yang Pertama Gaji Pokok RM 1000

Ini seperti biasa lah, operator kilang. OT pun kadang kadang tak ada.

Biasanya anda akan dapat kerja dengan tengok pada iklan di pintu pagar kilang sahaja.

Kiranya, katakan anda minta kerja hari ni, hari ni lah dapat. Entah entah dia dah suruh buat kerja time tu juga.

Saiz kilang pun kecil dan sederhana.

So gaji anda meme RM 1000 sahaja. Kadang kadang, ada yang tak

cecah pun gaji minima RM 1000 ni.

RM 1000 – RM 1600 – RM 2000

Ini range gaji untuk pekerja kilang (khasnya). Gaji saya lah ni. (basic)

Yang biasa anda tengok kilang kilang semikon umpamanya.

Basic untuk operator memang RM 1000, yang sekarang ni.

Dulu operator masa masih lagi gaji RM 800, kalau tak silap gaji diorang pun dah boleh cecah RM 1600, kalau sekali OT.

Kerja shift ni kalau tak OT, meme rugi lah.

So lepas kerajaan buat gaji minimum RM 1000, rasanya tak ada masalah kot untuk sampai gaji RM 1800. Kalau rajin OT.

Gaji minium ni, kadang kadang macam bantu operator sahaja saya rasa. Kami yang diploma ni dah ibarat macam sama sahaja, sebab kilang yang saya kerja masa gaji minima RM 1000 di mulakan, untuk diploma starting Rm 1250 sahaja. Area Ipoh ni ya, kalau Penang insyaAllah akan lebih sedikit.

Jarang lah company nak bagi RM 1500 untuk di ipoh. Tapi kalau di Penang, Kulim, dilploma fresh graduate dalam RM 1500 – RM 1800.

So kalau anda OT hanya perlu tambah separuh daripada basic sahaja. Sebab biasanya pengiraan untuk agak agak lebih kurang macam ni.

Seperti contoh

Basic + (Basic/2) = Jawapan?

Contoh...

1500 + (750) = 2 250

Kalau basic

$$1800 + (900) = 2 700$$

Kenapa tambah separuh daripada gaji untuk estimate OT? Sebab susah nak dapat gaji yang lebih dari itu. Tapi still depends pada company, kadang kadang awal muharam pun diorang bagi sebagai public holiday. Kalau jenis company yang macam ni. Boleh la dapat lebih sikit.

Kerja shift terumanya semicon, bila dah lama lama memang kencang lah.

Member saya, technician, basic 3 800.

Masa ni, public holiday sahaja dah RM 600.

Katakan dia OT..

Masa tu kalau tak silap, elaun boleh dapat paling kurang dalam 400

$$\text{Basic} + \text{elaun} = 4 200$$

Sekrang kita kira ot pula.

Katakan dia OT 2 kali bila cuti 4 hari, 1 kali kalau cuti 3 hari.

Ini untuk shift 4 3 3 4 ya.

Minggu 1 2 kali ot

Minggu 2 1 kali ot

Minggu 3 2 kali ot

Minggu 4 1 kali ot

Total OT? = 6x

Sekarang berapa pula rate untuk 1 hari ot

Basic bahagi 14 (hari bekerja dalam 1 bulan) bahagi 12 jam kerja darab pula dengan 1.5 darab pula dengan 12 jam ot = ?

$3\ 800 / 14 / 12 \times 1.5 = 33.9$ hengget (ini adalah gaji untuk satu jam)

Katakan hari tu dia OT maksimum 12 jam? $33.9 \text{ darab } 22 = 745.8$

$745.8 \times 6 \times \text{ot?} = 4\ 478$ + pula dengan basic + elaun tadi

Total = lebih 8k juga walaupun dah tolak 11 percent kwsp.

Ini normal kalau mereka yang kerja lama dalam semikon. Saya sendiri kalau gaji 2500 akan kena cukai dalam 49 ringgit.

Tapi hari tu sengaja saya tanya berapa diorang kena cukai, lebih 1 ratus lebih.

Bermaksud, macam sudah lebih 5k ke atas.

Tapi still depends pada company, biasa nya orang orang macam ni, company akan sekat OT..huhu

Sebab basic sudah besar.

Seterusnya

RM 2 000 – RM 10 000

Untuk range basic gaji macam ni, anda tak boleh kerja kilang.

Engineer dah lama kerja pun kalau tak silap saya gaji dia RM 6 000.

Engineer atas saya dulu pun, gaji dia RM 3 800 basic selepas kerja 6 tahun kot.

Untuk kita yang diploma ni, lagi lah tak merasa kan.

Tapi kalau anda join sektor industry bawah ni, insyaAllah boleh capai.

Yang saya maksudkan ialah, yang buat jalan dan oil n gas.

Buat jalan maksud saya yang macam MRR2 kat KL tu.

Yang ada guna machine TBM atau Tunnel Boring Machine.



Rasanya tak ada masalah kot untuk dapat gaji RM 5k ke atas kalau OT semua.

Adik saya sendiri.

Kerja bahagian Oil n Gas.

Basic 2 000 + elaun atas kapal (100 sehari) + elaun kerja (RM 500)

So kat sini , dia dah dapat gaji bersih RM 2500 kan.

Kira kira elaun pula 100 sehari – katakan 30 hari atas kapal?
Sudah 3k

$2k + 500 + 3k = 5\ 500?$

Salah juga tu.

Tak silap saya RM 100 sehari tu pun tempoh awalnya dia kerja.
Kiranya lama lama mesti naik kan.

Basic pun kalau tak silap 2 500 dah. Sebab abang saya sendiri yang bos nya.

Saya target at least 8k sebulan ada.

Tapi, jangan salah faham juga. Bukan semua oil n gas gaji tinggi. Ada kawan saya join semikon dari oil n gas juga. Sebab? Gaji rendah..so tengok juga lah peranan anda tu apa.

**note, adik saya dah berhenti. Kerja kerajaan dia dah sekarang.

RM 10 000 – RM 32 600

Kenapa saya tak letak 30 000?

Sebab orang yang saya nak cakap ni gaji dia banyak tu ler. Itu pun dia bagi tahu 3 4 tahun lepas.

Manager oil n gas.

Alright.

Pendek cerita, kalau anda makan gaji. Itu lah yang akan jadi.

Kerja buat ke tak buat ker, tetap dapat gaji sama.

Kerja duk bodek orang ke, kerja tidor dalam bilek gelap ke, itu juga anda dapat.

Tapi kalau nak gaji range dari 0 – RM 30 000?

Ini kena berniaga sendiri macam cheq.


Sebenarnya 30 000 itu unlimited.

Lagi kuat usaha, lagi terbaik lah untungnya.

Contoh terbaik yang saya boleh dapatkan, adalah satu product yang dihasilkan oleh Khairi, [Like Method](#) namanya

Panduan Perniagaan dari Facebook.

Banyak student studentnya berniaga untung yang lebih daripada 10 000.

Kalau anda nak buat macam ni, kena stop makan gaji, tapi makan...makan apa ya? Entah lah. 

Tapi lagi banyak anda usaha, lagi terbaik.

Ambil contoh Datuk Veda, rumah sahaja 20 juta.

Kereta sahaja 20 biji.

Macam mana kita nak dapat macam tu? Semuanya sebab berniaga sendiri.

Saya sendiri pun tak mampu semua tu, sembang je ni.

Apa apa pun, bergantung pada matlamat anda sendiri.

Kalau saya, rasanya tak perlu lah untung yang berjuta juta.

Asalkan cukup 10k sebulan pun saya dah cukup happy.

Yang panduan perniagaan Khairi tu, bukan beliau sahaja yang buat.

Sememangnya masih ramai lagi yang pandai pandai berniaga FB ni.

Contoh bos yang lain lain, macam SifuFBAds dan juga NajibAssadok, dan ramai lagi lah.

Tips Merantau Cari Kerja Kosong? Pro and Contra

Adakah Keputusan Untuk Merantau Adalah Terbaik Untuk Saya?

Whaaaa.. Saya buat keputusan yang agak lama juga untuk mula merantau.

Saya kerja shift 12 jam.

Ini je nak dapat gaji ribu ribu kalau diploma ni bagi saya.

Kebanyakan kilang di Ipoh, shift pattern 4 2 4 2.

So memang agak letih untuk saya peruntukan masa untuk blogging juga.

saya ambil keputusan yang agak lama sebab?

Satu...

Saya takut... saya tak biasa...

Kedua

Sebab tak ada modal.

Tapi akhirnya saya merantau juga.

Dari Ipoh, ke Kedah.

Tapi tak ada lah mengejut macam tu terus pergi ke Kedah.

Sebab saya ada menyewa di rumah lain dengan kawan kawan juga dahulu dalam 1 tahun juga kot.

Lepas tu, baru la rasa ada kekuatan untuk berani kan diri merantau.

Apakah sebab utama saya merantau?

Saya pasti ini adalah utama atau tidak. So saya listkan juga kebarangkalian yang lain juga.

1. Kilang di ipoh, yang satu satunya punyai shift pattern yang menarik untuk bagi saya banyak masa untuk menaip macam sekarang ini sudah shut down bulan 9 september 2016 ni. So, nak tak nak saya terpaksa cari kerja sini, atau area Penang.
2. Kedua, kerja di area Kulim dan Penang, adalah lubuk bagi yang kerja kilang ni. Sebab kebanyakan sini kilang besar besar. Banding dengan Ipoh, kilang besar sikit. So gaji pun tak berapa nak boleh di demandkan sangat. Banding

dengan Kulim, dan Penang ia jauh lebih baik. Saya percaya, kalau di Daerah Gebeng, Pahang, Shah Alam, KL, JB pun akan lebih baik juga. Tapi malas lah saya nak ke sana pula. Tak nak jem jem ni. Ni dah dapat Kulim pun dah rasa cukup syukur dah, banding dengan Penang, yang confirm akan jem.

3. Problem ler kalau duduk dengan family. Topik sensitif ni.
4. Sudah tiba masa untuk saya belajar berdikari, nanti dah nak kahwin (update 2017, dah kawen pun)
5. Suka nak belajar cara orang lain di negeri lain, tapi lebih kurang sama je..adoi..
6. Dan macam macam lagi lah.

Untuk perkara no 3 tu.

Masalah dengan family kan?

Bukan lah masalah sampai kecoh gaduh..

Tapi entah lah, bila duduk ngan family rasa macam tak emosi rasa tak menentu je.

Rasa juga mulut berbisa asik sampai ke kat telinga ni.

Huhu, tak baik juga kata macam ni.

Saya pun, ambil keputusan untuk merantau.

Supaya saya tak terus buat dosa macam tu.

Jadi lebih baik saya keluar dari rumah dan cari kerja lain jauh sikit.

Dan Bila Saya Balik?

Wa...seronok juga bila dah lama tak balik.

Best..

Sebab macam ada suasana balik Kampung bila raya.

Kalau tak, time raya ibarat macam perjalanan 30 minit je.

Tapi sekarang, balik raya berejam rejam.

Family pun ada gaya macam rindu sikit bila saya balik. Hehe

Pernah satu malam, bila saya balik, semua diorang bangun.

Saya pulak pelek,

Kenapa kome semua bangun ni...

Hehe

Kalau tak dulu, saya balik je kampung, semua buat tak tau jer.

Pernah juga tanya..

Aik, mak tak perasan ke sapa yang balik ni..huhu..

Tak pe lah..

Sekarang dah lain kan...Alhamdullillah.

Mana Lebih Jimat?

Mesti lah duduk dengan family.

Tak perlu fikir bil api, bil air, paling merana bil untuk makan makan ni.

Dengan family saya dulu, senang, pergi bawa mak ke pasar, bagi dalam 50 ok lah tu, untuk makan satu minggu.

Duk membujang, sehari dalam 20 ringgit juga.

Makan Pagi..

Saya biasa ambil nasi + ayam + ikan tongkol + kuah apa entah =
RM 3 50

Air Milo = RM 2.00 kalau tak silap

Total makan pagi = RM 6 lah senang cerita

Tengah Hari

Dalam RM 7.00

Malam?

Dalam RM 7.00 lagi.

$6 + 14 = \text{RM } 20$ hengget juga lah sehari.

Tak termasuk ulang alik te ais mamak lagi.

So total sehari dalam RM 25 hengget.

Bila saya shif kerja malam kan, kilang ni akan bagi kupon dalam 5 ringgit.

So boleh la cover untuk dinner punya makan.

Dan lagi satu...

KEBEBASAN..

Dulu, kalau bangun pagi, memang mak bising sebab tak sembahyang.

Tapi sekarang..senyap je suasana pagi.

Aduhai, berdosanya.

Kesian pula dekat mak yang usaha untuk kita.

Saya sendiri jenis tak berapa suka tidur pagi sebenarnya. So habit ini sangat sangat membantu lah.

Cuma asar tu,

Ya Allah kuatkan lah Aku..

So Kesimpulan Pro dan Kontra nya?

Anda decide sendiri!!!!

Kalau saya ada pilihan satu dan dua, saya memang teringin nak duduk dengan family sahaja.

Kesian mak, duk jauh. Nak pergi pasar harapkan adik. dia keja.

Nak g pasar borong susah

Mak saya udah lebih 60 tahun tau, tapi masih lagi berniaga kuih.

Setiap kali mak berniaga, saya terasa dosanya yang saya buat.

Sepatutnya mak dah tak perlu dah berniaga macam tu...

Dan saya terpaksa merantau untuk tak lebih banyak buat dosa lagi bertengkar dengan mak..

Dah..tu jer...